


Newspaper	Berita Harian
Date	7/2/2013

BH 7 FEBRUARI 2013 @ KHAMIS



Najib bersama (dari kiri) Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr S Subramaniam, Muhyiddin, Nor Mohamed dan Hishammuddin pada majlis pelancaran SPP1M di Putrajaya, semalam. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

BH - 7/2/2013

Pelajar sambut baik SPP1M

» **Bukti kerajaan sentiasa fahami suara penuntut**

Oleh **Norakmah Mat Youb**
norakmah@bharian.com.my

■ **Kuala Lumpur**

Pemimpin mahasiswa menyambut baik Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia (SPP1M) yang disifatkan usaha murni kerajaan mengurangkan beban kewangan dan kos sara hidup pelajar.

Presiden Persatuan Alumni Pemimpin Mahasiswa Aspirasi Malaysia (ASPIRASI), Mohd Shahar Abdullah, berkata ia membuktikan kerajaan sentiasa terbuka dan memahami suara mahasiswa.

Iktiraf suara muda

"Pelancaran skim itu satu pengiktirafan kepada suara anak muda, selain bukti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sentiasa mahu memastikan graduan cemerlang tanpa kekangan kewangan," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Shahar berkata, mahasiswa perlu merebut peluang yang dibe-

rikan kerajaan untuk terus menumpukan sepenuhnya terhadap kecemerlangan akademik.

"Kita percaya usaha itu dapat memenuhi hasrat kerajaan melahirkan modal insan berkualiti yang menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Presiden Gagasan Pelajar India 1Malaysia, D Mahaganapathy berkata, pelancaran SSP1M tepat pada masanya berikutan kos sara hidup mahasiswa semakin meningkat.

"Langkah berkenaan mampu mengurangkan bebanan mahasiswa terutama mereka yang mempunyai banyak tugas di luar sekali gus meningkatkan perbelanjaan," katanya.

Syukur kerajaan peka

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jais Abdul Karim pula berkata, pihaknya bersyukur atas keprihatinan kerajaan terhadap masalah mahasiswa.

"Tidak dinafikan banyak mahasiswa dan ibu bapa terkejut dengan kos sara hidup pada masa ini tetapi pelancaran skim itu dapat membantu meringankan bebanan mereka," katanya.

Beliau berkata, ini juga dapat menjadi motivasi kepada mereka untuk terus mencapai cita-cita masing-masing tanpa rasa dibebani.



"Kerajaan prihatin bantu pelajar dapat pinjaman tambahan, terutama yang kurang mampu"

Hi Ru Yi,
Pelajar UNITEC



"SPP1M berita yang melegakan kami terutama daripada keluarga berpendapatan rendah"

Vinoth Kumarasamy,
Pelajar Universiti Malaya



"Kami tidak lagi risau biaya kewangan untuk menyambung pengajian"

Mimi Noor Afiqah Samad,
Pelajar Pusat Perubatan Universiti Malaya